



**MINIT MESYUARAT
KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
NO. 3**

Tarikh : 03hb Mac 2009 [Khamis]
Masa : 3.00 petang
Tempat : Pejabat KURNIA

HADIR

1. Muhammad Shahrir bin Muhd Shariff	Presiden
2. Mohd Yazid bin Ahmad	Naib Presiden
3. Saupi Azran Muhamad Tamjis	Setiausaha
4. Norasita binti Haji Zainal	Penolong Setiausaha
5. Tuan Haji Mokhtar bin Ahmad	Bendahari
6. Khalid bin Muhammad	AJK
7. Abdul Malek bin Johari	AJK
8. Rahida binti Abdul Razak	AJK
12. Mohamad Zaini bin Mohamad	AJK
13. Yusni bin Yusop	AJK
14. Shamsul bin Paris	AJK

TIDAK HADIR BERSEBAB

1. Azman bin Asri	AJK
2. Rafidah binti Chee Ros	AJK
3.. Ezan Rohana binti Zamri	AJK
4. Shahrul Zaman bin Abdul Rahman	AJK

	AGENDA	TINDAKAN
1	<p><u>Ucapan Pengerusi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah. - Memulakan mesyuarat dengan sedikit taklimat oleh Sdr. Presiden dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua. 	
2	<p>Agenda 2 : Meluluskan minit mesyuarat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pencadang : Sdr Malek Johari - Penyokong : Sdr Yusni Yusop 	
3	<p><u>Agenda 3: Perkara-perkara berbangkit</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Sdr Yazid memberikan taklimat berkenaan mesyuarat GAKUM di UUM yang telah berlansung selama tiga hari iaitu daripada 23 sehingga 25 Februari 2009. Antara isu yang dibangkitkan di peringkat UIAM ialah berkenaan skim U-11 yang mempunyai kemudahan untuk dinaikkan ke U-17. Juga masalah 4 staf U yang diarahkan menjadi pemandu yang sepatutnya layak menerima elaun pemandu dan pakaian seragam jika mendapat pengesahan arahan kerja. - Isu U-11 yang dinaikkan U-17 perlu pengkajian terperinci disebabkan masalah teknikal disebalik pemegang jawatan U-11 itu yang ditukar dari skim pemandu. - Masalah Sdr. Azrani yang dikemukakan oleh Sdr Yusni tentang tugas beliau yang agak berisiko, kemudian ditarik balik elaun kritikal yang memberi kesan caruman KWSP beliau yang terpaksa dibayar semula kepada UIAM. - Sdr. Presiden juga mengingatkan hanya pihak yang tertentu atau berhak sahaja iaitu seperti pihak OSHU ataupun pihak Kulliyyah yang terlibat yang boleh mengesahkan tahap berisiko tingginya sesuatu pekerjaan di dalam satu-satu tugasan atau persekitaran tempat kerja. - Selain daripada itu Sdr. Presiden juga memberitahu tentang masalah pemotongan gaji yang telah dilakukan oleh pihak pengurusan UIAM jika sekiranya kesilapan itu bukan dilakukan oleh staf tersebut ataupun pemotongan hanya boleh dilakukan sebanyak 3 kali bayaran gaji. - Selain itu beberapa masalah lain juga dibangkitkan oleh Sdr Yusni berkenaan staf yang bertugas tanpa pakaian seragam yang tidak sesuai dan merbahaya. Tidak termasuk masalah yang sama berlaku di Kuantan. 	
4	<p><u>Agenda 4 : Program taklimat KURNIA di Kampus Kuantan</u></p> <p>Butiran program:</p> <p>Tarikh : 11hb Mac 2009 (Rabu)</p> <p>Masa : 11.00 pagi – 1.00 tengah hari</p> <p>Tempat : Kampus Kuantan</p>	

	<ul style="list-style-type: none"> - Semua AJK yang terlibat untuk membuat 'road show' ke Kuantan dimaklumkan bahawa hendaklah berkumpul ditangga besar tepat jam 7.30 pagi bersamaan pada hari Rabu 11hb Mac 2009. - AJK juga diingatkan supaya membawa bersama borang keahlian yang secukupnya. - AJK dimaklumkan bahawa pertemuan bersama Dato' Seri Rektor dan Pengarah Eksekutif , MSD telah disahkan pada 18 Mac 2009 jam 3.00 petang di pejabat Rektor dan Sdr. Presiden meminta satu pertemuan sebelum daripada itu diadakan agar perbincangan khusus dapat dijalankan. 	
5	<p><u>Agenda 5 : Laporan kewangan</u></p> <p>Baki tiada perubahan dan sama seperti baki pada penghujung Januari 2009 iaitu : <u>RM13,312.39</u></p>	
6	<p><u>Agenda 6 : Lain-lain hal</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Sdr. Presiden mengingatkan semua AJK perlulah bekerja keras untuk mendapatkan seramai mungkin ahli-ahli baru kerana sasaran yang telah diletakkan oleh Presiden CEUPACS setidak-tidaknya ialah seramai 800 orang sehingga tempoh berakhir Mac 2009. Juga diingatkan bahawa sesama AJK hendaklah saling bantu membantu untuk meraih ahli-ahli baru. Jumlah ini adalah untuk memudahkan lagi isu tuntutan pencen yang dibuat oleh pihak KURNIA. - Mesyuarat telah bersetuju untuk melantik Sdr. Muhammad Shahrir, Sdr. Saupi Azran dan Tuan Haji Mokhtar sebagai penama baru untuk akaun biro ekonomi bagi menggantikan Sdr Izani yang tidak lagi memegang jawatan di dalam KURNIA. - Perbincangan program untuk memperkasakan KURNIA akan dibincangkan selanjutnya di Kampus Kuantan itupun berdasarkan jika ada masa terluang kerana perkara ini tidak dapat dibincangkan pada kali ini disebabkan oleh kesuntukan masa. - Sdr. Presiden juga mengingatkan satu isu penting kepada semua AJK jika menerima sebarang aduan, komen ataupun masalah daripada ahli-ahli KURNIA, mereka hendaklah menasihatkan ahli-ahli tersebut agar menulis terus kepada pihak KURNIA dan tindakan selanjutnya bolehlah diambil oleh pihak KURNIA tanpa sebarang prejudis. 	

Ucapan penangguhan

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua AJK yang hadir dan berharap semuanya dapat menjalankan tugas masing-masing serta memberi kerjasama yang sebaiknya serta mengharapkan AJK yang dilantik ke biro-biro yang telah ditetapkan agar dapat melaksanakan tugas masing-masing.

Disediakan oleh:

.....
Saupi Azran bin Muhamad Tamjis
Setiausaha

Disahkan oleh:

.....
Muhammad Shahrir Mohd Shariff
Presiden